



GREAT Generation Care¹

Pelan penyakit kritikal yang pertama
melindungi 3 generasi



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan penyakit kritikal yang pertama melindungi 3 generasi

Kami tahu bahawa keluarga adalah segalanya bagi anda. Anda berusaha mengatasi cabaran yang mendatang kerana tiada yang lebih penting daripada memastikan mereka sentiasa bahagia dan terjaga. Tidak kira apa yang berlaku dalam kehidupan, anda ingin menyediakan perkara terbaik untuk anak-anak anda supaya mereka boleh menikmati masa depan yang terjamin. Pada masa yang sama, anda juga ingin memberi jagaan yang sepatutnya kepada ibu bapa anda untuk membalas jasa mereka.

GREAT Generation Care Special memahami segala kebimbangan anda dan membantu anda serta orang tersayang menempuh liku-liku kehidupan. Pelan ini melindungi anda daripada kejadian yang tidak diingini dan penyakit kritikal, serta memberi perlindungan percuma untuk penyakit kritikal dan penyakit kanak-kanak kepada anak-anak anda. Dengan melampirkan pilihan Parent Protect Rider bagi ibu bapa anda, anda boleh menjaga mereka pada usia emas. Apabila ketiga-tiga generasi dilindungi, seluruh keluarga anda dapat menikmati kasih sayang dan kebahagiaan setiap hari yang membawa kepada kehidupan yang hebat.



Manfaat sepintas lalu



**Perlindungan komprehensif
terhadap penyakit kritikal**



**Perlindungan terhadap kematian
atau Hilang Upaya Total dan Kekal
(TPD)**



**Manfaat Perlindungan Anak untuk
anak-anak anda**



**Pilihan Parent Protect Rider
bagi melindungi usia emas
ibu bapa anda**



**Manfaat Sokongan Emosi untuk
bantuan kewangan tambahan**



**Pembayaran balik premium
keseluruhan yang telah dibayar
atau lebih apabila polisi matang**



Perlindungan komprehensif terhadap penyakit kritikal

Apabila salah satu penyakit kritikal yang dilindungi berlaku (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari*), anda akan menerima 100% daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar, mana yang lebih tinggi, dalam satu jumlah sekali gus.

** Hanya 10% daripada jumlah asurans asas akan dibayar, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat. Apabila pembayaran dibuat untuk tuntutan Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, manfaat bagi kematian, TPD, sebarang penyakit kritikal lain yang berlaku kepada anda dan manfaat matang yang dibayar seterusnya di bawah pelan ini akan dikurangkan sewajarnya.*

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan terhadap kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)

Sekiranya perkara yang tidak dijangka berlaku, orang tersayang anda akan menerima 100% daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar, mana yang lebih tinggi, dalam satu jumlah sekali gus.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat Perlindungan Anak untuk anak-anak anda

Menyaksikan perkembangan anak-anak anda adalah kegembiraan yang tidak ternilai. Sebab itu, pelan anda memberi perlindungan percuma terhadap penyakit kritikal dan penyakit kanak-kanak untuk anak-anak anda, tanpa pengunderaitan perubatan. Perlindungan ini dilampirkan secara automatik bagi setiap anak (termasuk yang bakal lahir pada masa depan) sehingga umur 18 tahun hari jadi berikut, tanpa mengurangkan perlindungan anda sendiri.

Jika anak anda didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) atau penyakit kanak-kanak yang dilindungi, anda akan menerima suatu peratusan daripada jumlah asurans asas dalam jumlah sekali gus, tertakluk pada amaun maksimum bagi setiap anak ke atas setiap hayat yang diasuranskan ("Pembayaran yang Layak") yang berikut:

Tahun Polisi	Pembayaran
1	5% daripada jumlah asurans asas, sehingga maksimum RM12,500
2	10% daripada jumlah asurans asas, sehingga maksimum RM25,000
3 dan ke atas	20% daripada jumlah asurans asas, sehingga maksimum RM50,000

Nota:

- Apabila Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari berlaku, hanya 10% daripada Pembayaran yang Layak akan dibayar, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap anak. Manfaat Perlindungan Anak yang dibayar seterusnya akan dikurangkan sewajarnya.*
- Tiada had bagi bilangan tuntutan yang boleh dibuat di bawah Manfaat Perlindungan Anak. Namun, Syarikat hanya akan membayar manfaat sekali sahaja bagi setiap anak di bawah pelan ini, melainkan tuntutan pertama untuk anak tersebut adalah Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari.*
- Had seumur hidup maksimum bagi setiap anak ialah RM100,000.*
- Apabila kematian, TPD, atau salah satu penyakit kritikal (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) berlaku kepada anda, Manfaat Perlindungan Anak akan ditamatkan.*
- Tertakluk pada terma dan syarat lain.*



Pilihan Parent Protect Rider bagi melindungi usia emas ibu bapa anda

Anda boleh menjaga ibu bapa anda dengan melampirkan rider pilihan ini yang melindungi mereka terhadap tiga jenis penyakit kritikal peringkat akhir, iaitu Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk, Kanser, dan Penyakit Parkinson, tanpa pengunderaitan perubatan. Apabila salah satu penyakit kritikal ini berlaku, anda akan menerima pembayaran yang berikut, tertakluk pada amaun maksimum bagi setiap ibu atau bapa ke atas setiap hayat yang diasuranskan:

Tahun Polisi	Pembayaran
1	Bayaran balik premium keseluruhan yang telah dibayar untuk rider ini
2	10% daripada jumlah asurans asas, sehingga maksimum RM25,000
3 dan ke atas	20% daripada jumlah asurans asas, sehingga maksimum RM50,000

Nota:

- Manfaat ini boleh dituntut sehingga dua kali tetapi hanya akan dibayar sekali bagi setiap ibu atau bapa di bawah pelan ini.
- Had seumur hidup maksimum bagi setiap ibu dan bapa ialah RM100,000.
- Tertakluk pada terma dan syarat lain-lain.



Manfaat Sokongan Emosi untuk bantuan kewangan tambahan

Kami memahami kesukaran menghadapi cabaran hidup yang tidak dijangka. Bagi tuntutan di bawah Manfaat Perlindungan Anak atau Parent Protect Rider (jika ada), tambahan 1% daripada jumlah asurans asas akan dibayar kepada anda dalam satu jumlah sekali gus, tertakluk pada agregat amaun maksimum sebanyak RM10,000 bagi setiap hayat.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Pulangan daripada premium keseluruhan yang telah dibayar atau lebih apabila polisi matang

Apabila polisi anda matang pada umur 80 tahun hari jadi berikut, anda akan menerima 100% daripada jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar untuk pelan asas, mana yang lebih tinggi, dalam satu jumlah sekali gus.


Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Gambaran manfaat

Contoh perjalanan GREAT Generation Care:

Umur Hari
Jadi Berikut

30



Daniel, seorang lelaki yang tidak merokok, membeli **GREAT Generation Care**. Dia juga melampirkan **Parent Protect Rider** untuk melindungi ibu bapanya sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut.

Premium: RM202.25 sebulan Perlindungan:

- Daniel: RM100,000
- Ibu bapa Daniel: RM20,000

34



Dia menyambut kelahiran anak sulungnya, serta mendapat perlindungan percuma **Manfaat Perlindungan Anak** sebanyak RM20,000 sehingga umur 18 tahun hari jadi berikut.

36



Dia menyambut kelahiran anak kedua, yang juga mendapat perlindungan percuma **Manfaat Perlindungan Anak** sebanyak RM20,000 sehingga umur 18 tahun hari jadi berikut.

45



Bapanya didiagnosis Demensia Teruk dan dia menerima pembayaran tuntutan sebanyak RM20,000 daripada **Parent Protect Rider**.

Dia turut menerima **Manfaat Sokongan Emosi** sebanyak RM1,000.

80



Tiada tuntutan tambahan dibuat sehingga polisinya matang. Jumlah asurans asas adalah lebih tinggi daripada premium keseluruhan yang telah dibayar untuk pelan asas. Oleh itu, dia menerima **manfaat matang** sebanyak RM100,000 dan polisinya ditamatkan.

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah 17 tahun hari jadi berikut dan umur kemasukan maksimum ialah 60 tahun hari jadi berikut.

S: Berapakah jumlah asurans yang saya boleh beli?

J: Jumlah asurans minimum untuk pelan ini ialah RM50,000 dan jumlah asurans maksimum ialah RM45,000,000.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

J: Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah rider ini jika diagnosis bagi keadaan berkaitan:

- i) Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- ii) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Manfaat TPD jika TPD:
 - sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
 - disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
 - disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara, atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
 - disebabkan anda melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh anda.
 - disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- iii) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang manfaat penyakit kritikal jika keadaan atau tanda dan gejala berkaitan dengan penyakit kritikal:
 - sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
 - sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu selama 30 hari atau 60 hari (bergantung pada jenis penyakit kritikal).
 - sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
 - disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
 - disebabkan anda melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh anda.
 - disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Pengecualian diberi untuk Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh dan HIV Dijangkiti Melalui Pekerjaan, yang dilindungi di bawah pelan ini.
 - disebabkan secara langsung akibat penyalahgunaan alkohol atau dadah.
 - disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- iv) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang Manfaat Perlindungan Anak jika:
Keadaan atau tanda dan gejala berkaitan dengan penyakit kritikal atau penyakit kanak-kanak:
 - sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
 - sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu selama 30 hari atau 60 hari (bergantung pada jenis penyakit kritikal atau penyakit kanak-kanak).
 - sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
 - disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.

- disebabkan anak anda melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh anak anda.
- disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan HIV. Pengecualian diberikan untuk Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh dan HIV Dijangkiti Melalui Pekerjaan, yang dilindungi di bawah pelan ini.
- telah didiagnosis, secara langsung atau tidak langsung, disebabkan kecacatan atau penyakit kongenital, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum anak anda mencapai umur 1 tahun atau kurang.
- disebabkan secara langsung akibat penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Anak anda:

- adalah melebihi umur 17 tahun hari jadi berikut pada tarikh keluaran polisi.
- adalah melebihi umur 18 tahun hari jadi berikut apabila penyakit kritikal atau penyakit kanak-kanak berlaku.
- tidak dapat bertahan untuk sekurang-kurangnya 14 hari selepas suatu penyakit kritikal atau penyakit kanak-kanak berlaku.

v) Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penyakit kritikal di bawah Parent Protect Rider jika:

Keadaan atau tanda dan gejala berkaitan dengan penyakit kritikal:

- sedia wujud sebelum tarikh risiko berkuat kuasa.
- sedia wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu selama 30 hari atau 60 hari (bergantung pada jenis penyakit kritikal atau penyakit kritikal).
- sedia wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikir waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tempoh menunggu tamat.
- disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- disebabkan ibu bapa anda melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh ibu bapa anda.
- disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan HIV.
- disebabkan secara langsung akibat penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Ibu bapa anda:

- adalah melebihi umur 80 tahun hari jadi berikut pada tarikh keluaran polisi atau tarikh risiko berkuat kuasa, mana yang kemudian.
- adalah melebihi umur 100 tahun hari jadi berikut apabila penyakit kritikal berlaku.
- tidak dapat bertahan untuk sekurang-kurangnya 14 hari selepas suatu penyakit kritikal berlaku.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polis.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran premium?

J: Anda boleh bayar menggunakan kad kredit, arahan bank, perbankan internet, cek atau tunai. Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan (menggunakan kad kredit, arahan bank atau perbankan internet).

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT Generation Care tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Senarai Penyakit Kritikal dan Penyakit Kanak-Kanak yang dilindungi di bawah pelan ini

GREAT Generation Care

No.	Penyakit Kritikal
1	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2	Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
3	Meningitis Bakteria – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
4	Tumor Otak Benigna – <i>keterukan tertentu</i>
5	Buta –Kekal dan Tidak Boleh Pulih
6	Pembedahan Otak
7	Kanser – <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>
8	Kardiomiopati – <i>keterukan tertentu</i>
9	Anemia Aplastik Kronik – <i>mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang</i>
10	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik
11	Koma –mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal yang berterusan
12	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
13	Penyakit Creutzfeldt–Jakob (Penyakit Lembu Gila)
14	Pekak –Kekal dan Tidak Boleh Pulih
15	Ebola Demam Berdarah
16	Elefantiasis (Penyakit Untut)
17	Ensefalitis – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
18	Kegagalan Hati Tahap Akhir
19	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
20	AIDS Dengan Gejala Penuh
21	Hepatitis Virus Fulminan
22	Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i>
23	Pembedahan Injap Jantung
24	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
25	Kegagalan Buah Pinggang – <i>memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang</i>

Senarai Penyakit Kritikal dan Penyakit Kanak-Kanak yang dilindungi di bawah pelan ini (Samb.)

GREAT Generation Care

No.	Penyakit Kritikal
26	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
27	Hilang Keupayaan Bertutur
28	Trauma Kepala Teruk – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
29	Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang
30	Penyakit Sistik Medular
31	Tuberkulosis Meningeal
32	Penyakit Neuron Motor – <i>Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i>
33	Sklerosis Berbilang
34	Distrofi Otot
35	Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan
36	Kelumpuhan Anggota
37	Penyakit Parkinson – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
38	Poliomielitis
39	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – <i>keterukan tertentu</i>
40	Skleroderma Progresif
41	Rabies
42	Penyakit Arteri Koronari Serius
43	Sindrom Eisenmenger yang Teruk
44	Hemofilia Teruk
45	Strok / Angin Ahmar – <i>mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i>
46	Pembedahan Aorta
47	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
48	Penyakit Terminal (Membawa Maut)
49	Melecur Tahap Ketiga – <i>keterukan tertentu</i>
50	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari

Senarai Penyakit Kritikal dan Penyakit Kanak-Kanak yang dilindungi di bawah pelan ini (Samb.)

Penyakit Kanak-Kanak

No.	Penyakit Kritikal
1	Hemofilia Teruk
2	Diabetes Melitus Bergantung pada Insulin
3	Penyakit Kawasaki dengan Komplikasi Jantung
4	Demam Reumatik dengan Kerosakan Injap Jantung
5	Asma Teruk
6	Sawan Teruk
7	Arthritis Reumatoid Juvenil Teruk
8	Gangguan Intelektual Berterusan akibat Sakit atau Kemalangan
9	Glomerulonefritis dengan Sindrom Nefrotik
10	Tetanus Umum
11	Obesiti Morbid Remaja

Jadual Kadar Premium Tahunan

GREAT Generation Care

Umur Hari Jadi Berikut	Setiap RM1,000 Jumlah Asurans (RM)			
	Lelaki		Perempuan	
	Tidak Merokok	Smoker	Tidak Merokok	Smoker
17	9.40	11.20	9.05	10.75
18	9.75	11.55	9.35	11.15
19	10.05	11.95	9.70	11.50
20	10.40	12.35	10.00	11.90
21	10.80	12.85	10.40	12.40
22	11.20	13.35	10.75	12.85
23	11.55	13.90	11.15	13.35
24	11.95	14.40	11.50	13.85
25	12.35	14.90	11.90	14.35
26	12.85	15.60	12.40	15.00
27	13.35	16.25	12.85	15.65
28	13.90	16.95	13.35	16.30
29	14.40	17.60	13.85	16.95
30	14.90	18.30	14.35	17.60
31	15.60	19.20	15.00	18.45
32	16.25	20.10	15.65	19.35
33	16.95	21.00	16.30	20.20
34	17.60	21.90	16.95	21.05
35	18.30	22.80	17.60	21.90
36	19.20	24.00	18.45	23.10
37	20.10	25.20	19.35	24.25
38	21.00	26.45	20.20	25.40
39	21.90	27.65	21.05	26.55
40	22.80	28.85	21.90	27.75
41	24.00	30.90	23.10	29.45
42	25.20	32.95	24.25	31.20
43	26.45	34.95	25.40	32.90
44	27.65	37.00	26.55	34.65
45	28.85	39.05	27.75	36.35
46	30.90	42.70	29.45	39.75
47	32.95	46.35	31.20	43.15
48	34.95	49.95	32.90	46.50
49	37.00	53.60	34.65	49.90
50	39.05	57.25	36.35	53.30
51	42.70	60.95	39.75	57.20
52	46.35	64.65	43.15	61.10
53	49.95	68.35	46.50	64.95
54	53.60	72.05	49.90	68.85
55	57.25	75.75	53.30	72.75
56	60.95	80.65	57.20	78.05

Jadual Kadar Premium Tahunan (Samb.)

Umur Hari Jadi Berikut	Setiap RM1,000 Jumlah Asurans (RM)			
	Lelaki		Perempuan	
	Tidak Merokok	Smoker	Tidak Merokok	Smoker
57	64.65	85.55	61.10	83.35
58	68.35	90.45	64.95	88.60
59	72.05	95.35	68.85	93.90
60	75.75	100.25	72.75	99.20

Parent Protect Rider

Umur Hari Jadi Berikut	Kadar Premium Setiap RM1,000 Jumlah Asurans Rider (RM)
17	28.45
18	29.55
19	30.70
20	31.85
21	33.25
22	34.65
23	36.00
24	37.40
25	38.80
26	40.00
27	41.20
28	42.40
29	43.60
30	44.80
31	46.05
32	47.30
33	48.50
34	49.75
35	51.00
36	51.70
37	52.45
38	53.15
39	53.90
40	54.60
41	55.30
42	56.05
43	56.80
44	57.55
45	58.30
46	58.50
47	58.70
48	58.90
49	59.10

Jadual Kadar Premium Tahunan (Samb.)

Parent Protect Rider (Samb.)

Umur Hari Jadi Berikut	Kadar Premium Setiap RM1,000 Jumlah Asurans Rider (RM)
50	59.30
51	59.40
52	59.50
53	59.60
54	59.70
55	59.80
56	59.85
57	59.90
58	59.95
59	60.00
60	60.05

Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan kadar premium, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan Syarikat akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum semakan semula dilakukan. Semakan semula, jika ada, menyasarkan untuk menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan untuk semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.

Notis penting

GREAT Generation Care ialah pelan tanpa penyertaan dalam keuntungan yang matang pada umur 80 tahun hari jadi berikut. Premium hendaklah dibayar sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut atau sehingga polisi tamat, mana yang berlaku dahulu. Sebarang peningkatan perlindungan akan melibatkan peningkatan bayaran premium.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, premium penuh akan dibayar balik kepada pemilik polisi setelah ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung, jika ada. Jika anda menukar polisi insurans anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Polisi mungkin tidak mempunyai nilai tunai minimum yang dijamin semasa penamatan sehingga anda telah membayar premium selama dua tahun. Jika anda menyerahkan polisi anda lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar. Jika anda berhenti membayar premium sebelum tempoh akhir pembayaran premium, pinjaman premium automatik akan berkuat kuasa di bawah polisi anda untuk membayar premium pada masa depan asalkan nilai tunai melebihi jumlah hutang. Syarikat akan mengenakan faedah bagi pinjaman di atas pada kadar faedah yang akan ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati pada laman sesawang Syarikat. Pemberhentian pembayaran premium sebelum tempoh akhir pembayaran premium mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan lebih awal.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk, risalah pendidikan pengguna Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI) serta contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah “Great Eastern Life” dan “Syarikat” merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma GREAT Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma GREAT Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma GREAT Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah
Fax: 089-884 226

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma GREAT Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma GREAT Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)
Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
☎ **03-4259 8888**
☎ **03-4259 8000**
✉ **wecare-my@greateasternlife.com**
🖱 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.